

Pameran Pendidikan Antarabangsa mendapat sambutan



Para pelajar tidak melepaskan peluang untuk mengajukan soalan kepada perwakilan-perwakilan universiti yang menyertai pameran itu.

Oleh Imelda Groves HA
Gambar oleh Bahiyah Bakir

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Jan - Wakil-wakil dari 20 universiti dan kolej di United Kingdom (UK), Iapan, universiti dan kolej di Amerika Syarikat (AS) dan sebuah di Kanada telah menyertai Pameran Pendidikan Antarabangsa anjuran Findlay yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini, hari ini.

Universiti-universiti di UK termasuk De Montfort, Derby, Lancaster, Northumbria, Portsmouth, Queen's Belfast, South Wales, Southampton Solent, St. Andrew's, Surrey dan Wolverhampton. Manakala dari AS pula termasuk Drew, Oregon State, George Mason, James Madison, Colorado State, Alabama dan Birmingham, St. Louis dan

South Florida, manakala itu, dari Kanada ialah Centennial College di Ontario.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan, bagi menyokong rakyat Brunei yang sedang mencari peluang pekerjaan di sektor swasta, Findlay telah menjemput tenaga kerja profesional terkemuka untuk berinteraksi bersama pelajar-pelajar yang berminat dan membantu mereka membuat keputusan berdasarkan fakta mengenai kerjaya dalam bidang masing-masing.

Pengarah Findlay, Sunita Martin dalam kenyataan itu berkata, slogan mereka adalah 'Penyelesaian untuk Pendidikan, Pekerjaan dan Kecemerlangan'.

Katanya lagi, mereka berhasrat untuk menyokong pelajar Brunei dari apabila mereka mula memikirkan mengenai pilihan



Antara yang hadir pada pameran pendidikan tersebut.

pendidikan tinggi sehingga mereka mendapat pekerjaan pertama mereka, dalam erti kata lain, untuk menyokong mereka menjadi lebih boleh dipasarkan.

"Kami telah mendapati bahawa pelajar memberikan tindak balas yang baik kepada peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan profesional-profesional berpengalaman."

"Dengan berbuat demikian, mereka boleh membuat keputusan berdasarkan fakta mengenai kursus-kursus bersesuaian yang bukan sahaja penting kepada kekuatan dan minat mereka tetapi dijangka mendapat permintaan pada masa depan."

Ini seterusnya, ujar beliau, membuka prospek mendapat pekerjaan terus selepas tamat pengajian dan membuat sumbangan kepada pembangunan neg-

ara dan mempelbagaian ekonomi Brunei.

Beliau seterusnya menambah, "Penyelidikan adalah kunci. Berinteraksi kepada tenaga kerja profesional berpengalaman dan memahami kecenderungan dan minat sendiri akan memberi manfaat bagi kerjaya peringkat tinggi dan kepuasan kerja serta masa depan yang lebih cerah."

Antara pakar yang hadir semasa acara petang tadi ialah Ketua Perbankan Korporat dan Keinstitutionan di Bank Standard Chartered, Pengiran Aki Isamasufian; Ketua Unit Keselamatan Maklumat di Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Berhad, Awang Yusof Fadli bin Haji Sidek; Pengasas Social Buzz Advertising, Hiro Tien dan Michelle Chong dari Hengyi Industries.

Professional-profesional



Sunita Martin ketika ditemui Media Permata.

dari Progresif Cellular Sdn Bhd, Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek Negara Brunei Darussalam (PUJA) dan BICPA turut hadir.

Di pesta berkenaan, Findlay mewakili universiti-universiti yang ikut serta berkenaan dan akan mempamerkan penilaian psikometri Morrisby Career Profiling untuk pelajar-pelajar yang tidak pasti laluan pendidikan atau kerjaya yang hendak diambil.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dari Unit Biasiswa, Majlis Akreditasi Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNAC) dan Unit Pengajian Tinggi untuk menjawab sebarang pertanyaan mengenai Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan.

UNISSA, Universiti Syria jalin kerjasama

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Jan - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus bergiat aktif menjalinkan kerjasama strategik dengan institusi pengajian tinggi luar negara melalui penandatanganan memorandum persefahaman (MoU) dengan Bilad Al-Syam University (BSU), Syria dalam usaha meningkatkan reputasi di arena antarabangsa.

Majlis penandatanganan MoU berkenaan telah berlangsung di Bilik Senat UNISSA, di sini, hari ini, di mana menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal manakala itu, pihak BSU, Syria pula diwakili oleh Rektor universiti berkenaan, Profesor Dr. Husameddin Farfour.

UNISSA dalam kenyataannya menjelaskan, BSU merupakan sebuah pengajian tinggi yang ter-

letak di Damsyik, Syria yang telah dinaik taraf kepada universiti dan merupakan institusi daripada cawangan Kampus Islam Al-Fatih.

Sebelum upacara penandatanganan MoU, Dr. Haji Norarfan mengalu-alukan kedatangan delegasi dengan harapan penandatanganan MoU yang termeterai akan dapat menjalinkan lagi hubungan persefahaman antara dua pihak khususnya dalam bidang akademik dan penyelidikan. Sebagai ucapan balas, menurut kenyataan itu, Profesor Dr. Husameddin turut menyambut baik hasrat untuk bekerjasama dengan UNISSA.

Turut hadir di majlis itu ialah Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, penolong rektor dan pegawai-pegawai utama, UNISSA.



Dr. Haji Norarfan dan Profesor Dr. Husameddin Farfour bergambar ramai bersama warga UNISSA dan BSU.

22 mahasiswa UNISSA berlepas ke Malaysia



Rombongan UNISSA sewaktu tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Malaysia.

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Jan - Seramai 22 orang mahasiswa dan mahasiswi dari Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), semalam, telah berlepas ke Malaysia bagi mengikuti lawatan ilmiah yang dikendalikan oleh Persatuan Mahasiswa dan Mahasiswi Syariah dan Undang-undang (SHALAWSOC).

Turut mengiringi lawatan selama tujuh hari sehingga 28 Januari tersebut ialah dua orang pensyarah universiti termasuk Dekan FSU, Dr. Hajah Masnooraini binti Haji Mohiddin selaku ketua rombongan.

Menurut kenyataan UNISSA, delegasi kali ini akan membuat lawatan rasmi ke beberapa buah universiti termasuklah Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu; Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan; Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor dan Kolej Islam Antarabangsa Malaysia, Selangor.

Antara objektif yang ingin dicapai dalam lawatan ini adalah bagi memberi peluang kepada mahasiswa dan mahasiswi UNISSA untuk berkongsi pendapat serta bertukar pandangan dengan universiti yang dikunjungi.

Mahasiswa dan mahasiswi

juga dapat menimba ilmu pengetahuan dengan melawat ke tempat-tempat berkaitan dengan SHALAWSOC.

Di samping itu, universiti-universiti yang berkenaan dapat memperkukuhkan lagi jaringan yang sedia ada dengan UNISSA sambil membincangkan aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan bersama pada masa yang akan datang.

Di akhir lawatan ilmiah itu nanti, mahasiswa dan mahasiswi diharap akan dapat mempelajari sendiri mengenai pengurusan sesebuah persatuan yang berkaitan dengan SHALAWSOC dengan lebih teratur dan teliti.